



LAPORAN TAHUNAN 2015

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR





ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1) PERSPEKTIF JABATAN - Visi & Wawasan - Misi - Objektif - Piagam Pelanggan	05 - 08
2) PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN - Perutusan Pengarah Perhutanan Negeri - Fungsi Pengurusan & Pengurusan Tertinggi - Gambar Ketua-Ketua Unit - Gambar Pegawai Hutan Daerah	09 - 18
3) ORGANISASI JPNJ - Carta Organisasi JPNJ 2015 - Fungsi Jabatan - Unit-unit Jabatan	19 - 32
4) PROFIL PERHUTANAN DAERAH - Fungsi - Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan - Pejabat Hutan Daerah Johor Timur - Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah - Pejabat Hutan Daerah Johor Utara	33 - 38
5) PENGANUGERAHAN - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang - Penerima Pingat Jabatan	39 - 40
6) PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG	41 - 42
7) PETUNJUK PRESTASI 2015	43 - 52
8) IMBASAN SEPANJANG 2015	53 - 84
9) ARTIKEL	85 - 88

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

10) PERSPEKTIF JABATAN

89 - 96

- Tanah Berhutan Dan Tidak Berhutan Johor, 2015 (Ha)
- Keluasan Hutan Simpan Kekal Mengikut Jenis-jenis Hutan Negeri Johor, 2015 (Ha)
- Senarai Hutan Simpan Kekal Mengikut Jenis-jenis Hutan Negeri Johor, 2015 (Ha)
- Keluasan Hutan Yang Dilesenkan Untuk Pengusahaan Negeri Johor, 2015 (Ha)
- Bilangan Industri Berasaskan Kayu (IBK) Di Negeri Johor Tahun 2015
- Pengeluaran Kayu Balak Mengikut Spesis Negeri Johor, 2015 (m³)
- Harga Purata Tempatan (Di Kilang) Kayu Balak Mengikut Spesis Negeri Johor, 2015 (RM/m³)
- Bilangan Industri Berasas Kayu Terpilih, Negeri Johor, 2015
- Pengeluaran Industri Berasas Kayu Terpilih, Negeri Johor, 2015 (m³)
- Gunatenaga Dalam Industri Pembalakan Dan Industri Berasas Kayu Terpilih, Negeri Johor, 2015
- Gunatenaga Dalam Jabatan Perhutanan Negeri Johor 2014

11) JAWATANKUASA EDITORIAL LAPORAN TAHUNAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

97

12) AUTOGRAPH

98

**LAPORAN
TAHUNAN 2015**

Jabatan Perhutanan Negeri Johor

A full-page photograph of a dense tropical forest. Tall, slender trees with thick canopies of green leaves dominate the upper two-thirds of the image. In the lower third, a river flows through the forest, its water appearing greenish-yellow. The riverbank is rocky and covered with more vegetation. The overall scene is vibrant and natural.

PERSPEKTIF JABATAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Hutan Lipur Sungai Bantang,
Segamat

VISI & WAWASAN

Untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

MISI

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.


OBJEKTIF

- Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil perkhidmatan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
- Untuk meningkatkan bekalan hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan pengurusan dan pembangunan sumber hutan.
- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi, air dan tanah, dan penggunaannya secara berkekalan.
- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan secara menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.
- Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negeri dan negara, pertukaran wang asing serta peluang-peluang pekerjaan.



PIAGAM PELANGGAN

- Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasaskan kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.
- Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat-syarat kelulusan.
- Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.
- Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima daripada orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.
- Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Hutan Lipur Gunung Belumut,
Kluang



PERUTUSAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR

ENCIK MOHD RIDZA BIN AWANG

Bismillahir-rahmanir-rahim
Assalamualaikum-Warahmatullah-hi-Wabarakatuh,
Salam Sejahtera
Salam 1 Malaysia
Salam 1 JPMS dan
Salam Muafakat Johor
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana atas limpah kurnia dan dengan keizinanNya, Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Johor bagi tahun 2015 telah berjaya diterbitkan berdasarkan maklumat kemajuan dan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2015. Penerbitan buku laporan ini adalah sebagai rekod penting bagi aktiviti, peristiwa dan perangkaan berhubung perkembangan sektor perhutanan di negeri ini sepanjang tahun 2015.

sepanjang tahun 2015, semua kakitangan telah berusaha untuk mencapai sasaran tahunan yang telah ditetapkan pada awal tahun 2015. Justeru itu, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menyerlahkan (highlight) program-program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor sepanjang tahun 2015. Di antaranya adalah seperti berikut:

• (i) **Majlis Perhimpunan Bulanan, Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2015**

• Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam bagi Tahun 2015 pada 14 Januari 2015 bertempat di Bangunan Dato' Jaafar Mohamad, Nusajaya. Semasa majlis tersebut diadakan, semua Ketua Unit, Pegawai Hutan Daerah dan Pegawai Renjer telah menandatangani Surat Akujanji untuk bersama-sama menumpukan dan meningkatkan usaha dalam bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing, khususnya dalam mencapai Misi dan Wawasan Jabatan. Untuk tahun 2015, Jabatan juga telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2015 dan Majlis Sambutan Hari Raya Tahun 2015 pada 13 Ogos 2015 di Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru.

(ii) **Pengukuhan dan Peningkatan Aspek Penguatkuasaan Hutan**

Bagi tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah memperkukuhkan lagi usaha pemantauan dan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan hutan, terutamanya kegiatan pencerobohan hutan dan pembalakan haram. Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya mengekalkan tiada kes yang dikesan bagi aktiviti pembalakan haram. Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga telah mengadakan Operasi Bersepadu di Hutan Simpan Gunung Arong pada 2 Jun 2015. Antara agensi yang telah turut serta dalam operasi bersepadu tersebut adalah Pejabat Daerah Mersing, Pejabat Tanah dan Galian, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Daerah Mersing, Pejabat KADI Mersing, RELA, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

(iii) **Penganjuran dan Penyertaan Program Pengembangan dan Pendidikan Kepada Masyarakat**

Pihak Jabatan juga telah mengadakan program pengembangan Perhutanan dengan menganjurkan dan mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai pameran sama ada anjuran Jabatan atau agensi luar. Sehingga Oktober 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menyertai 3 pameran iaitu Pameran sempena Program Kesedaran Empangan Machap Sempena Istiadat Kemahkotaan DYMM Sultan Johor, Pameran Aktiviti Konservasi Bersempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Tanah Lembab

Sedunia 2015 dan Pameran Sempena Program Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Johor. Program-program pengembangannya telah memberi pendedahan kepada masyarakat umum khususnya pelajar-pelajar sekolah berkaitan dengan kepentingan bersama menjaga khazanah hutan yang tidak ternilai harganya.

(iv) Penganjuran Latihan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Pada tahun 2015 sebanyak 27 kursus telah berjaya dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Namun begitu, masih terdapat seramai 10 orang yang tidak pernah menghadiri apa-apa kursus dan seramai 64 orang yang tidak mencukupi 7 hari berkursus. Pada tahun 2016, semua Ketua Unit dan Pegawai Hutan Daerah perlu memberi perhatian yang serius berkaitan perkara ini kerana setiap kakitangan jabatan perlu menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari berkursus selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005.

(v) Aspek Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan

Dalam mengurus sumber hutan di negeri ini, pihak Jabatan juga telah menumpukan dan mempertingkatkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan selaras dengan hasrat dan komitmen Kerajaan Negeri. Tumpuan juga telah diberikan terhadap Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara dengan penglibatan aktif daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, pelajar-pelajar sekolah dan kolej, Syarikat-syarikat swasta dan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Pihak Jabatan telah bekerjasama dengan badan-badan korporat menjalankan kempen penanaman pokok. Pada 28 September 2015, JPNJ telah berjaya menganjurkan Program Penanaman Pokok Bakau sempena Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Perancangan Dan Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara (JTPP) Bil.3/2015 di Tanjung Piai, Pontian. Sebanyak 300 anak pokok telah berjaya di tanam sempena program tersebut.

(vi) Program Lets Clean, Go Green, Program Menakluk 7 Gunung Negeri Johor dan Kem Perhutanan

Di samping itu, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat awam terhadap kebersihan alam sekitar terutamanya di kawasan Hutan Lipur, pihak Jabatan telah berjaya mengadakan sebanyak lima (5) program Lets Clean, Go Green yang melibatkan masyarakat setempat dan pelajar sekolah pada tahun 2015 sepertimana berikut:

- (a) Di Hutan Simpan Sg. Pulai, Johor Bahru pada 26 April 2015;
- (b) Di Hutan Lipur Sungai Bantang, Bekok pada 8 Jun 2015
- (c) Di Hutan Lipur Gunung Arong, Mersing pada 30 Ogos 2015
- (d) Di Hutan Lipur Soga Perdana, Batu Pahat pada 30 Oktober 2015
- (e) Di Hutan Lipur Gunung Belumut, Kluang pada 31 Oktober 2015

Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga telah menjayakan Program Menakluk 7 Gunung Negeri Johor Anjuran Kerajaan Negeri Johor bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor pada 31 Ogos 2015 serta Kem Perhutanan bersama dengan pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Daya, Johor Bahru di Hutan Lipur Panti pada 22-24 Oktober 2015.

(vii) Kejohanan Sukan Antara Jabatan/ Agensi di Bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

Pada 9-11 Oktober 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menghantar beberapa kakitangan untuk menyertai Kejohanan Sukan Antara Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) atau disebut sebagai Kejohanan Sukan NRE 2015. Antaranya ialah acara basikal lasak (Johan), acara snooker (Naib Johan), acara golf (Naib Johan), acara bowling lelaki (Tempat Ketiga), dan bowling wanita (Tempat Keempat). Diharapkan pada masa hadapan, kita boleh menghantar lebih banyak lagi kakitangan untuk menyertai acara-acara yang dipertandingkan.



(viii) Pelaksanaan Kriteria dan Petunjuk Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Hutan Asli) atau MC&I (Hutan Asli)

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya mendapatkan Sijil Pengurusan Hutan di bawah MC&I (Hutan Asli) di mana tempoh sijil tersebut adalah mulai 1 April 2013 hingga 31 Mac 2016. Namun begitu, pada 10-14 Mei 2015, Badan Pensijilan Bebas daripada SGS (Malaysia) Sdn. Bhd telah menjalankan audit dan 1 Major CAR telah dikeluarkan. Major CAR yang telah dikeluarkan oleh pihak juruaudit mendapati Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah melakukan/membenarkan pengubahan ke atas Hutan Simpanan Kekal yang dimasukkan ke dalam skop pensijilan melebihi paras yang dibenarkan oleh standard iaitu 2.5% bagi tempoh 3 tahun FMU disijilkan di bawah standart MC&I (Hutan Asli). Lanjutan daripada itu, pihak SGS telah memutuskan untuk menggantung Sijil Pengurusan Hutan berkuatkuasa 1 Januari 2016 sehingga 31 Mac 2016 (tempoh 3 bulan). Oleh yang demikian, semua balak yang diusahasil di dalam HSK di dalam Johor FMU selepas 1 Januari 2016, tidak boleh dianggap sebagai sebagai disijilkan walaupun diurus dan diusahasil dengan menggunakan Sistem Pengurusan Memilih (SMS). Penggantungan ini akan diangkat semula sekiranya pihak Jabatan dapat mengemukakan satu analisis yang komprehensif mengenai Major CAR yang telah dikeluarkan merangkumi root cause terhadap kedatangan CAR tersebut beserta dengan pelan tindakan spesifik bagi memastikan Major CAR tersebut tidak akan berulang pada masa hadapan.

(ix) Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 9001:2008

Sepertimana yang diketahui oleh semua, Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga telah memperolehi sijil MS ISO 9001:2008 pada 6 September 2013 dan akan tamat persijilan pada 5 September 2016 (tempoh sah selama 3 tahun). Dalam tempoh tersebut, Jabatan masih akan dibuat audit pematuhan setiap tahun dan pada tahun ini jabatan telah diaudit oleh pihak AJA EQS Certification Malaysia pada 2 September 2015 dimana telah mendapat 2 Minor CAR dan 5 pemerhatian. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil. 1/2015 yang bersidang pada 14 Disember 2015 telah membuat keputusan dan bersetuju tarikh kuatkuasa penggunaan dokumen kualiti MS ISO 9001:2008 JPSM Keluaran 02 bermula 1 Mac 2016. Lanjutan dengan ini, dimaklumkan bahawa penggunaan dokumen kualiti MS ISO 9001:2008 JPSM Keluaran 01 adalah TERBATAL dan digantikan dengan dokumen kualiti MS ISO 9001:2008 JPSM Keluaran 02 bermula 1 Mac 2016. Sehubungan itu, Pengurus Dokumen Jabatan Perhutanan Negeri Johor perlu mengumpul Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 Keluaran 01 untuk dikembalikan kepada Ibu Pejabat JPSM sebelum 15 Mac 2016 bagi tujuan pelupusan dokumen tersebut.

(x) Penarafan Bintang Laman Web

Bagi penarafan Laman Web Agensi Kerajaan pula, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya mendapat lima (5) bintang dan Puan Thilagavathy a/p Raja telah menerima Anugerah Webmaster Terbaik sempena Penilaian Kendiri Provider-Based Evaluation (PROBE) 2015 Peringkat Negeri Johor. Penyampaian anugerah ini telah diadakan pada 20 Oktober 2015 di Hotel Grand Bluewave, Johor Bahru. Tahniah diucapkan dan diharapkan pihak jabatan akan terus berusaha pada tahun-tahun mendatang supaya dapat mengekalkan taraf lima (5) bintang bagi Laman Web jabatan.

(xi) Pengisian Kekosongan Jawatan

Sebagai Jabatan yang berperanan utama dalam pengurusan sumber hutan di negeri ini, tidak dapat dinafikan bahawa kekangan utama adalah kekurangan kakitangan. Sehingga kini sejumlah 368 penjawatan telah diisi daripada jumlah penjawatan iaitu 466 penjawatan. Masih terdapat 98 penjawatan lagi yang masih belum diisi iaitu sepertimana pecahan berikut:

Bil.	Gred	Bil. Penjawatan (Belum Diisi)
1.	Pemelihara Hutan G44	1
2.	Pen. Pemelihara Hutan G27	2
3.	Renjer Hutan G27	11
4.	Pembantu Tadbir N22	2
5.	Pengawas Hutan G17	46
6.	Pelukis Pelan J17/22	1
7.	Pembantu Tadbir N17	1
8.	Pembantu Awam H11	27
9.	Pembantu Operasi N11	1
10.	Pemandu H11	6
	Jumlah	98

Namun begitu, pentadbiran ini dalam proses menambahbaik carta organisasi baru di mana ia telah disediakan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Negeri Johor pada 9 Jun 2015. Namun begitu, keputusan berkaitan perkara masih belum diperolehi.

xii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014

Negeri Johor juga telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014, iaitu Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan, Renjer Hutan, Pengawas Hutan, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menambah baik skim perjawatan tersebut berikutan dari perubahan skop fungsi tugas kakitangan. Seramai 17 orang kakitangan Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17 telah memilih opsyen Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Gred G27. Manakala seramai 189 orang kakitangan Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan G14/G11 telah memilih opsyen skim Perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G17. Penyelarasan pelaksanaan Pekeliling ini telah dibuat oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sepertimana berikut berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016:

- i) Renjer Hutan yang memiliki kelayakan dan telah menerima opsyen ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Bersepadu Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab sepertimana Penolong Pemelihara Hutan G27 sedia ada di JPSPM yang dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);
- ii) Gelaran jawatan baru akan diberikan kepada Renjer Hutan yang ditukar lantik ke Penolong Pemelihara Hutan G27 dan selanjutnya tidak perlu memakai pakaian seragam hijau (Uniform Hijau) semasa bertugas dan tidak tertakluk kepada pekeling KPPSM Bil. 1/2008 berkuatkuasa serta merta selaras tarikh penerimaan dan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014.

(xiii) Prestasi Kewangan dan Kutipan Hasil Tahun 2015

Pada tahun 2015, Jabatan ini juga telah berjaya membuat kutipan hasil hutan kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan premium, royalti dan hasil-hasil lain sebanyak RM29,253,337.82 di mana ia melebihi 3.5 juta daripada anggaran hasil yang dijangkakan. Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya membelanjakan peruntukan sebanyak RM18,699,777.32 daripada jumlah peruntukan sebanyak RM21,418,000.00 (87%). Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
1.	Mengurus	14,220,000.00	13,651,016.62	96
2.	Pembangunan	6,257,000.00	4,672,550.38	75
3.	KWPH	941,000.00	376,210.32	40
	Jumlah	21,418,000.00	18,699,777.32	87

Pada tahun 2016, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diluluskan peruntukan sebanyak RM14.571 juta bagi peruntukan mengurus manakala peruntukan pembangunan sebanyak RM5 juta.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

2. Alhamdulillah, pihak Jabatan telah berjaya melakar beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan seperti yang telah saya maklumkan sebentar tadi. Ini adalah hasil daripada komitmen dan sokongan daripada seluruh warga kerja Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Dalam hubungan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja Jabatan Perhutanan Negeri Johor di semua peringkat jawatan atas pencapaian sepanjang tahun 2015.

3. Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga mendokong keputusan kerajaan untuk melaksanakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 — Pelaksanaan Dasar Pemisah Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam. Bagi memastikan penyampaian Perkhidmatan Awam tidak terjejas, JPNJ tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan untuk menunjukkan jalan keluar kepada kakitangan jabatan yang berprestasi rendah. Tindakan penamatan perkhidmatan mereka yang terlibat dengan mengambil kira prestasi kelakuan, nilai-nilai kebergunaan pegawai kepada perkhidmatan, kegagalan pegawai untuk memenuhi apa-apa syarat perkhidmatan dan segala hal keaaan lain yang ditentukan oleh kerajaan. Saya berharap, melalui pekeliling ini dapatlah segelintir kakitangan yang berprestasi rendah dapat memperbaiki diri dan seterusnya menyumbang perkhidmatan yang terbaik kepada jabatan.

5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2016 kepada semua kakitangan di Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Semoga komitmen yang telah diberikan pada tahun 2015 diteruskan pada tahun 2016 dengan tumpuan dalam merealisasikan visi jabatan iaitu “Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan”.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

6. Akhir kata, marilah kita semua mempertingkatkan azam bagi memastikan misi jabatan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi negara dapat dicapai. Saya berkeyakinan dengan usaha yang lebih gigih dan komitmen yang tinggi, kita akan mencapai kejayaan tersebut. Semoga tahun 2016 merupakan tahun yang cemerlang buat kita semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi-taufik-walhidayah.
Assalamualaikum
Warahmatullahi-wabarakatuh.

FUNGSI PENGURUSAN

Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar, strategi dan objektif jabatan serta menyelaraskan kerja-kerja pengurusan, pentadbiran, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan di negeri.

Pengurusan tertinggi adalah terdiri daripada Pengarah Perhutanan Negeri dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah Perhutanan

PENGURUSAN TERTINGGI



MOHD RIDZA BIN AWANG

Pengarah Perhutanan
Negeri Johor



MOHD RAHIM BIN RANI

Timbalan Pengarah Perhutanan
Negeri Johor
(Sehingga Oktober 2015)

KETUA UNIT

➤ **ABD. RAMLIZAUYAH HUDIN
BIN MAHLI**

Penolong Pengarah
(Perancangan & Pengurusan)
sehingga Oktober 2015

➤ **MOHD HAFIZ BIN HAMZAH**

Penolong Pengarah
(Operasi & Penguatkuasaan)

➤ **MOHD FADZLI BIN MAZALAN**

Penolong Akauntan
(Kewangan & Hasil)



➤ **KHOLIZAN BINTI JAMALUDIN**
Penolong Pengarah
(Hutan Lipur)

➤ **PN. THILAGAVATHY A/P RAJA**
Penolong Pengarah
(Industri & Pengusahaan)

KETUA UNIT

➤ **NORUL HASZARUL
BIN ABU SAMAH**
Penolong Pegawai Tadbir
(Pentadbiran & Perkhidmatan)
Februari 2015

➤ **MOHD ZAKARIA
BIN HAJI DAUD**
Juruteknik Kanan
(Kejuruteraan Hutan)

➤ **TN HJ ZULFAKAR**
Penolong Pengarah
(Hutan Taman Negeri)



➤ **EN HAMKA BIN MOHD YASSIN**
Penolong Pegawai Ladang

➤ **TN. HAJI NORRDIN NOOR**
Penolong Pengarah
(Penguatkuasaan Siasatan)

PEGAWAI HUTAN DAERAH



➤ **IHSAN SABRI
BIN KAMARAZAMAN**
Johor Utara, Segamat



➤ **MUHAMMAD UMAR BIN ABDULLAH**
Johor Selatan, Johor Bahru



➤ **MOHD FIKRI BIN MISTAR**
Johor Tengah, Kluang



➤ **SHOHAIMI BIN MD. SANI**
Johor Timur, Mersing




ORGANISASI JPNJ

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Spesis tumbuhan periuk kera (*Nepenthes* spp.)
di Hutan Lipur Gunung Pulai II, Kulai

20





ORGANISASI JPNJ

➤ ORGANISASI JPNJ

Jabatan Perhutanan Negeri Johor(JPNJ) merupakan salah sebuah daripada 12 buah jabatan perhutanan negeri di bawah pengawasan dan seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Manakala itu, JPSM pula merupakan sebuah organisasi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Jabatan ini diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah Perhutanan. Pada akhir tahun 2015, bilangan warga kerja adalah seramai 380 orang.

➤ FUNGSI - FUNGSI JABATAN

JPNJ dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana ke atas pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan sumber hutan negeri agar selaras dengan dasar perhutanan negara 1978 (pindaan 1992) dan akta perhutanan negara 1984. Jabatan ini juga menyelaraskan perancangan dan pembangunan industri berasas kayu. Organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Operasi Hutan dan Bahagian Pembangunan Hutan di samping dua (2) unit sokongan iaitu Unit Pentadbiran dan Perkhidmatan serta Unit Kewangan dan Hasil. Di samping itu, dalam memastikan pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan, organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor dibahagikan pula kepada empat (4) daerah hutan yang masing-masing diketuai oleh Pegawai Hutan Daerah (PHD).

➤ BAHAGIAN OPERASI HUTAN

Bertanggungjawab dalam pengendalian aspek-aspek pelesenan pengusahaan hutan dan industri berasas kayu, kawalan pengusahaan hutan dan industri berasas kayu, penguatkuasaan undang-undang perhutanan termasuk menjalankan penyiasatan dan pendakwaan kes-kes kesalahan hutan.

➤ BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

Bertanggungjawab dalam pengendalian aspek-aspek perancangan pelaksanaan projek-projek pengurusan dan pembangunan sumber hutan termasuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan kepelbagaian biologi hutan serta latihan dan pengembangan perhutanan.

ORGANISASI JPNJ

UNIT PENTADBIRAN & PERKHIDMATAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

Bertanggungjawab dalam aspek-aspek pengurusan hal pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan sokongan pengurusan JPNJ:

1. Mengurus hal-ehwal pentadbiran, rekod perkhidmatan kakitangan termasuk sistem HRMIS
2. Melaksana naziran perkhidmatan, pengistiharan harta, urusan persaraan, pencen staf JPNJ.
3. Melaksana urusan kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan penilaian prestasi staf JPNJ.
4. Menjadi setiausaha kepada Mesyuarat JKPP, MBB, Mingguan dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan pentadbiran

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Norbaizura binti Mazlan Bijon (N27)
Setiausaha Pejabat

Norul Haszarul bin. Abu Samah (N27)
Hjh. Masanah binti. Madis (N22)
Nur Azrina binti. Amir (N22)
Ahamad bin Ashari (N22)
Azlina binti Samion (N17)
Nurhayati binti Rasiman (N17)
Nazatul Nisa bt. Kamal Din (N17)
Zalmiza binti Ibrahim (N17)
Faizal bin Abdullah (J17)
Ahmad Nazri b. Wahad (N4)
Aziz b. Ab. Rahman (N4) (KUP)
Helmi Fadzil b. Mohd. Jaron (N1)
Md Nizam bin Ahmad (N17)
Khir b. Sarkawi (N17)
Norhasidi b. Baseri (N1)
Ismail b. Hassan (R6) (KUP)
Zamri b. Bahran (R3)

ORGANISASI JPNJ

UNIT KEWANGAN DAN HASIL

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

1. Mengurus perolehan dan pembayaran, mengendalikan rekod rekod perakaunan wang amanah dan deposit
2. Mengurus aset alih dan tidak alih termasuk perolehan dan menyediakan daftar inventori aset
3. Menyedia dan menyelaraskan anggaran perbelanjaan tahunan JPNJ
4. Menyediakan laporan perubahan serta laporan kewangan berkala JPNJ.

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Mohd Fadzli bin Mazalan (W27)

Rokiah binti Hj. Jusoh (W22)

Bakyah bin Haji Jafri (W22)

Norzatul Sahira binti Sainon (W17)

Norhaliza bt Othmen (W17)

Nurhasikin Binti Hamidon (W17)

Kamisah bt Mohamad Ali (W17)

Nazirah bt Fazri (W17)

ORGANISASI JPNJ

UNIT SILVIKULTUR & PERLINDUNGAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

Bertanggungjawab dalam melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti silvikultur hutan seperti banciaan hutan selepas tebangan, rawatan pemulihan hutan termasuk tanaman mengaya, memotong akar dan pepanjat dan tanaman di kawasan lapang, mengurus tapak semaian, petak fenologi, tanaman herba, tanaman bakau serta lain-lain tanaman bukan kayu, penubuhan ladang hutan, pencegahan kebakaran hutan serangan penyakit atau serangga perosak, program pemeliharaan kepelbagaian biologidan mengendali petak-petak Simpanan Hutan Dara (VJR).

1. Menyediakan laporan fizikal dan kewangan bagi aktiviti pembangunan hutan dan kumpulan wang pemuliharaan hutan (KWPH).
2. Memantau projek dan aktiviti pembangunan hutan.

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Aizzudin bin Hashim (G27)
Abdul Shukor bin Hj Ahmad (G27)
Manan bin Kosman @ Ahmad (G17)
Hadaha bin Md Din (G17)
Mohd Hazri bin Md Noh (G17)
Abd Razak bin Salim (G17)
Haminuddin bin Muhamad (G17)
Mohd Nazri bin Mohamed Sharif (H11)
Mohd. Saiful bin Zainal (H11)
Muhammad Azhari bin Mustaffa (H11)
Ramzie bin Abd Hamid (H11)

ORGANISASI JPNJ

UNIT OPERASI & PENGUATKUASAAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

Unit ini bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pemantauan aktiviti-aktiviti operasi dan penguatkuasaan hutan:

1. Melaksanakan penguatkuasaan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1985 termasuk pendakwaan kes-kes kesalahan hutan.
2. Menjalankan risikan dalam kes-kes perhutanan.
3. Memproses permohonan pengeluaran kayu balak dan lain-lain hasil hutan dari Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik serta permohonan Permit Penggunaan bagi menjalankan aktiviti dalam Hutan Simpanan Kekal.
4. Menjalankan semakan dan siasatan ke atas laporan dan aduan awam.
5. Mengumpul dan mengemaskinikan maklumat mengenai kesalahan hutan dan tindakan-tindakan yang telah diambil serta menilai keberkesanan sistem penguatkuasaan dan penentuan taksiran gantirugi dan kompaun ke atas kesalahan hutan.
6. Menyediakan laporan penguatkuasaan kepada Kerajaan Negeri, KPPSM dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).
7. Memperkukuhkan pelaksanaan undang-undang perhutanan bersama dengan agensi lain.

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Aizzudin bin Hashim (G27)
Abdul Shukor bin Hj Ahmad (G27)
Manan bin Kosman @ Ahmad (G17)
Hadaha bin Md Din (G17)
Mohd Hazri bin Md Noh (G17)
Abd Razak bin Salim (G17)
Haminuddin bin Muhamad (G17)
Mohd Nazri bin Mohamed Sharif (H11)
Mohd. Saiful bin Zainal (H11)
Muhammad Azhari bin Mustaffa (H11)
Ramzie bin Abd Hamid (H11)

ORGANISASI JPNJ

UNIT PERANCANGAN & PENGURUSAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT PERANCANGAN & PENGURUSAN

Unit ini bertanggungjawab dalam menggubal objektif dan strategi serta merancang program pembangunan hutan jangka panjang dan jangka pendek

1. Mengumpul, memproses dan mengemaskini maklumat perhutanan, pewartaan dan pemansuhan Hutan Simpanan Kekal (HSK).
2. Menyedia dan menyelaraskan pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan dan Rancangan Tahunan Hutan;
3. Membuat penilaian dan analisa inventori hutan sebelum tebangan (Pre-F).
4. Menjalankan penilaian kerja-kerja penandaan pokok (pokok tebangan, pokok ibu dan pokok perlindungan).
5. Melaksanakan projek penyelenggara sempadan luar Hutan Simpanan Kekal.
6. Menyelaraskan pelaksanaan program pensijilan pengurusan hutan MC&I (Hutan Asli).
7. Menjadi urusetia Laporan Tahunan JPNJ.
8. Memantau penubuhan petak-petak kajian dan inventori seperti National Forest Inventory (NFI), Continuous Forest Inventory (CFI) dan Growth Plot (petak tumbesaran).
9. Mengenalpasti dan melaksanakan program kepelbagaian biologi hutan dan kawasan konservasi hutan bernilai tinggi (HCVF).
10. Menyelaraskan dan memantau penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

➤ KEANGGOTAAN

Abd Ramliza uyahhudin bin Mahli (G44)
Zaiton binti Abdullah @Mahmad (G27)
Khaharudin b. Mohd Nor (G14)
Maizan bin Mohd Aris (G14)
Norfazilawati binti Jauhari (G11)
Siti Nurarbain binti S. Hamid (G11)
Mohd. Azmi bin Kamsan (R3)

ORGANISASI JPNJ

UNIT INDUSTRI & PENGUSAHASILAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT INDUSTRI & PENGUSAHASILAN

Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan pengeluaran lesen yang berkaitan dengan industri berasaskan kayu dan pengusahaan hutan serta permit untuk menjalankan aktiviti di dalam Hutan Simpan Kekal:

1. Memproses permohonan lesen berkaitan dengan industri berasas kayu.
2. Memproses permohonan mengubahsuai mesin dan/atau bangunan.
3. Menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada industri dalam rekabentuk kilang, pemilihan jentera dan teknik memproses serta pengurusan perindustrian dan memantau perkembangan dan kemajuan penggunaan kayu serta pembangunan industri berasaskan kayu (IBK) di Negeri Johor.
4. Mengemaskini daftar lesen dan memantau bilangan lesen yang dikeluarkan.
5. Menyediakan laporan, mengumpul serta menyelenggara maklumat mengenai industri berasas kayu dan pengeluaran hasil hutan

➤ KEANGGOTAAN

Thilagavathy a/p Raja (G41)
Norijah binti Md Noor (G14)
Nazarhan bin Ali (G11)
Suhimi bin Ismail (G11)

ORGANISASI JPNJ

UNIT HUTAN LIPUR

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT HUTAN LIPUR

Bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan pelan induk hutan lipur serta melaksanakan program-program:

1. Mengurus, memantau, menyelaraskan pewujudan setiap hutan lipur selaras dengan permintaan dan kehendak masyarakat tempatan.
2. Merancang, mengawal dan memantau pembangunan kawasan hutan lipur.
3. Merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan seranta dalam bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar.
4. Menyedia dan melaksanakan program-program latihan kepada kakitangan jabatan dan pihak swasta yang berkaitan.
5. Mengendali peperiksaan-peperiksaan khas skim perkhidmatan dan peperiksaan perkhidmatan JPNJ. 05
6. Mengkordinasi kursus motivasi dan peningkatan kualiti staf JPNJ.
7. Mengadakan jaringan kerjasama dalam bidang latihan dengan lain-lain unit di JPNJ dan JPSM, IPT dan lain-lain institusi.
8. Menyediakan risalah jabatan.

➤ KEANGGOTAAN

Kholizan binti Jamaludin (G41)
Nurazuwah binti Omar (G27)
Azizan bin Suhot (G11)
Azimahwati bt. Mohd. Alwee (G11)

ORGANISASI JPNJ

UNIT KEJURUTERAAN HUTAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

1. Merancang dan menentukan kelarian jalan hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal.
2. Menyemak dan memberi ulasan ke atas cadangan kelarian Jalan Tuju dan Lorong Penarik dalam kawasan lesen yang dikemukakan oleh pihak pembalak dengan berpandukan kepada Spesifikasi Jalan Hutan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2010.
3. Menyediakan anggaran peruntukan dan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur.
4. Mengurus pembinaan dan dan penyelenggaraan bangunan / rumah jabatan dan memberi khidmat nasihat mengenai hal-hal kejuruteraan yang berkaitan

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Mohd Zakaria bin Hj Daud (J29)

Najib bin Hamzah (J29)

Rahim bin Mansor (J29)

Ismail bin Kadir (J29)

ORGANISASI JPNJ

UNIT PENGUATKUASAAN HUTAN

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

Unit ini merupakan unit yang bertanggungjawab menjalankan penyiasatan terhadap kes-kes kesalahan hutan mengikut APN 1984, Enekmen Industri Berasaskan Kayu dan lain-lain perundangan yang berkaitan:

1. Bertanggungjawab dalam penyediaan dan pengemaskinian kertas siasatan sebelum dibawa untuk pendakwaan di mahkamah.
2. Berperanan sebagai flying squad.
3. Jawatan Penolong Pengarah Penguatkuasaan, Penolong Pegawai Kanan Penguatkuasaan dan Penolong Pegawai Penguatkuasaan adalah jawatan daripada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang ditempatkan di Jabatan Perhutanan Negeri Johor.
4. Menyediakan laporan perubahan serta laporan kewangan berkala JPNJ.

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Hj Norrdin bin Noor (G44)

Haironizam b. Abd. Rahman (G14)

Nur Fazlin bt. Ahmad (G11)

ORGANISASI JPNJ

UNIT TAMAN NEGERI

➤ TANGGUNGJAWAB UNIT

Bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan pelan induk hutan taman negeri serta melaksanakan program-program:

1. Mengurus, memantau, menyelaras pewujudan setiap taman negeri selaras dengan permintaan dan kehendak masyarakat tempatan.
2. Merancang, mengawal dan memantau pembangunan kawasan taman negeri.

➤ KEANGGOTAAN UNIT

Hj. Zulfakar bin Ali (G44)



PROFIL PERHUTANAN DAERAH

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Hutan Lipur Soga Perdana,
Batu Pahat

PROFIL PERHUTANAN DAERAH

➤ FUNGSI

- Menyediakan Rancangan Kerja dan Rancangan Tahunan Hutan Daerah.
- Menyediakan bajet tahunan daerah hutan.
- Memproses permohonan mengambil hasil hutan.
- Memproses permohonan permit penggunaan, permit jalan dan permit memasuki Hutan Simpanan
- Kekal serta permohonan lesen Industri Berasas Kayu dan aktiviti kutipan laporan penyata (shuttle) pengusahasilan hutan dan Industri Berasas Kayu.
- Merancang pembinaan jalan hutan dalam HSK.
- Memantau dan mengawal aktiviti kutipan hasil hutan.
- Menyelenggara maklumat dan data perhutanan daerah hutan.
- Menyediakan laporan pemantauan dan laporan bulanan bagi pembaharuan lesen dan permit.
- Menjalankan rondaan dan pemeriksaan ke atas kawasan-kawasan berhutan di daerah hutan.
- Menjalankan aktiviti berkaitan hutan lipur.
- Menguatkuasakan undang-undang hutan di daerah hutan melalui akta, enakmen serta kaedah-kaedah yang berkuatkuasa
- Mengukur dan mengira royalti serta ses pembangunan hutan ke atas pengeluaran hasil hutan serta mengendalikan Tukul Hasil.
- Menyelenggara rekod pengeluaran hasil hutan bagi setiap lesen.

PROFIL PERHUTANAN DAERAH

PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR SELATAN


Aras 9, Bangunan Sultan Ibrahim,
Jalan Bukit Timbalan, 80000 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim
Tel: 07 -224 3048 Faks: 07-224 5725



Pegawai Hutan Daerah Muhammad Umar bin Abdullah

Daerah Sipil Johor Bahru, Pontian, Kulai Jaya dan Kota Tinggi

Renjer Hutan Renjer Johor Bahru, Renjer Gelang Patah,
Renjer Kota Tinggi, Renjer Ulu Sedili,
Renjer Bukit Batu dan Sub-Renjer Kong-Kong.



PROFIL PERHUTANAN DAERAH

PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TIMUR


Aras 3, Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Ibrahim, 86800 Mersing, Johor Darul Takzim
Tel: 07 799 1033 Faks: 07 799 5352



Pegawai Hutan Daerah Shohaimi bin Md Sani (shohaimi@forestry.gov.my)

Daerah Sipil Mersing, Jemaluang, Lenggur dan Endau

Renjer Hutan Renjer Mersing, Renjer Jemaluang, Renjer Lenggur, Renjer Tenggaroh, Renjer Endau dan Renjer Emas.



PROFIL PERHUTANAN DAERAH

➤ PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TENGAH

Jalan Pejabat Kerajaan 2, 86000 Kluang, Johor Darul Takzim

Tel: 07 772 5944 Faks: 07 772 0844



Pegawai Hutan Daerah

Ahmad Fikri bin Mistar

Daerah Sipil

Kluang, Batu Pahat, Sebahagian kecil Daerah Labis

Renjer Hutan

Renjer Bekok, Renjer Madek, Rener Sembrong, Renjer Yong Peng/Batu Pahat, Unit Pembangunan Hutan Kg. Gajah



PROFIL PERHUTANAN DAERAH

➤ PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR UTARA

Jalan Awang, 85000 Segamat, Johor Darul Takzim

Tel: 07 931 2141 Faks: 07-9317518



Pegawai Hutan Daerah


Ihsan Sabri bin Kamarazaman
(ihsansabri@forestry.gov.my)

Daerah Sipil

Ledang, Muar, Segamat, Daerah Kecil Labis

Renjer Hutan

Renjer Labis, Renjer Ledang, Renjer Muar,
Renjer Segamat





PENGANUGERAHAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang •

Penerima Pingat Jabatan •

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Air Terjun Gunung Belumut,
Kluang

PENANUGERAHAN JPNJ

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014

Seramai 21 orang pegawai dan kakitangan JPNJ telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2014.

Bil.	Nama Pegawai / Kakitangan	No MYKAD	Jawatan/ Gred SSM / Tempat bertugas
1.	Md. Nurrahiem Bin Mohd Ali	791220-01-6519	PPH G27 / JT
2.	Zaiton Binti Abdullah	850616-01-5480	PPH G27 / IP
3.	Mohd Noor Bin Hj Ismail	590128-01-5205	PPH G27/JT
4.	Mazura Binti Mohamad	770521-01-6480	PT N17 / JU
5.	Ahmad Afzanizam Bin Othman	821208-01-5921	PH G17 / JS
6.	Azimahwati Binti Mohd Alwee	860702-23-6194	PH G17 / IP
7.	Fuaddah Binti Hj. Dahlan	791116-01-5962	PH G17/ JS
8.	Hadaha Bin Md Din	791107-01-6787	PH G17 / IP
9.	Husin Bin Adam	690705-01-5917	PH G17 / JU
10.	Khaiidil Bin Tahir	741112-01-7033	PH G17 / JS
11.	Lokmalhakim Bin Mohd Yusof	810130-01-5513	PH G17 / JT
12.	Lokman Bin Amat Hamdi	670219-01-5067	PH G17 / JU
13.	Rahmat Bin Arshad	710714-01-5981	PH G17 / JT
14.	Sha'ri Bin Harun	570127-01-5897	PH G17 / JS
15.	Zainuddin Bin Idris	710127-01-5725	PH G17 / JT
16.	Mohd Khair Bin M Sharip	660115-01-6357	PH G17/ JS
17.	Azman Bin Mohd Dom	651205-01-5943	PA H11 / JS
18.	Hafizullah Bin Muhammad	891223-01-5675	PA H11 / IP
19.	Mohd Syahir Bin Mohd Farid	880901-01-5487	PA H11/ JT
20.	Noor Aishah Binti Mohd Azman	901204-01-6636	PA H11/ JH
21.	Awang Bin A Rahman	720709-01-5345	PO N11/ JT

PENERIMA PINGAT KEMAHKOTAAN SULTAN IBRAHIM (PKSI II) TAHUN 2014

Bil.	Nama Pegawai / Kakitangan	No MYKAD	Jawatan/ Gred SSM / Tempat bertugas
1.	Vhejhay Aanand A/I Raman		PPT N29/ IP



PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

➤ PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN

Di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, isu tanah termasuk hutan berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Dengan itu, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak di dalam membentuk atau menerima sesuatu undang-undang dan peraturan hutan bagi mentadbir, mengurus dan membangunkan sumber hutan. Pihak Berkuasa persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

Bagi memudahkan penyelerasan dan penyeragaman dalam bidang perhutanan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membincang masalah dan isu berhubung dengan dasar perhutanan, pentadbiran dan pengurusan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tanggungjawab untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tugas Kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

➤ DASAR DAN PERUNDANGAN

Dalam tahun 1977, Dasar Perhutanan Negara telah diluluskan oleh MPN dan kemudian disahkan oleh MTN pada 19 April, 1978. Dasar tersebut telah dikaji semula pada 10 November, 1992 atas kesedaran yang ditunjukkan oleh masyarakat duni pada masa sekarang terhadap kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber genetik secara berkekalan serta peranan masyarakat dalam pembangunan perhutanan. Penerimaan dasar tersebut merupakan satu kejayaan memperkukuhkan asasa perlembagaan dan mengeratkan kerjasama dan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sektor perhutanan.

Selain daripada Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993) dan Enakmen Industri Berasas Kayu, 1986, terdapat juga undang-undang lain yang penting dan ada kaitan dengan sektor perhutanan seperti berikut:

- Akta Kerajaan Tempatan, 1976;
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994;
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969;
- Akta Keterangan, 1950 (Pindaan 1993);
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1995)
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, 1985;
- Akta Lembaga Perindustrian kayu Malaysia, 1973;
- Akta Orang Asli, 1954;
- Akta Pampasan Pekerja, 1952;
- Akta Perhubungan Pengusahaan, 1967;
- Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 (Pindaan 1976 & 1988);
- Akta Perlindungan Tanah, 1960;
- Akta Prosedur Kewangan, 1967 (Pindaan 1993);
- Akta Taman Negara, 1980 (Pindaan 1983)
- Dasar Kepelbagaian Biologi Negara, 1998;
- Enakmen Bekalan Air, 1935;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Kanun Acara Jenayah, (FMS Cap. 6), 1903 (Pindaan 1995);
- Kanun Keseksaan, (FMS Cap. 45), 1984 (Pindaan 1993);
- Kanun Tanah Negara, 1965.

PETUNJUK PRESTASI 2015



JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Spesis katak mata merah @red eye
(*Agalychnis callidryas*)

PETUNJUK PRESTASI

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2015

A. SUMBER TENAGA MANUSIA (Orang)

i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi	-
ii. Kumpulan Pengurusan dan Profesional	10 orang
iii. Kumpulan Sokongan	358 orang
JUMLAH	368 orang

B. PERBELANJAAN (RM)

i. Perbelanjaan Mengurus	RM13,654,016.62
ii. Perbelanjaan Pembangunan Negeri (P57)	RM4,672,550.00
iii. Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH)	RM376,210.00
JUMLAH	RM18,699,777.32

C. KUTIPAN HASIL (RM)

o Royalti, Ses, Premium & Lain-lain	RM29,253,337.82
JUMLAH	RM29,253,337.82

D. AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER HUTAN

i. Keluasan HSK (ha)	414, 637
ii. Pewartaan HSK (ha)	333,729.87
iii. Pengurusan Sumber Hutan	
o Menyukat dan Mencuci Sempadan HSK (km)	-
- Sempadan Baru	144.40
- Sempadan Lama	715.90
o Inventori Hutan Sebelum Tebangan (ha)	
o Menanda Pokok (ha)	698
o Keluasan HSK Diusahasil Di bawah CTT (ha)	

PETUNJUK PRESTASI

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2015

E. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

i. Kursus dan Latihan (bilangan)	25 Kursus
ii. Kursus Sijil Perhutanan (bilangan peserta)	
o Pengawas Hutan	3 orang
o Renjer Hutan	-
iii. Kursus Pembalakan dan Pengusahasilan Kepada Pihak Swasta (bilangan kursus)	2 Kursus

F. PUBLISITI DAN PENGEMBANGAN HUTAN

i. Penerbitan	-
ii. Pameran	7
iii. Kempen Kesedaran	
o Kuiz	3
o Let's Clean Go Green	4
iv. Lawatan	1
v. Persidangan	-

G. PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

i. Silvikultur dan Pemuliharaan Hutan	
o Inventori Hutan Selepas Tebangan (ha)	699.57
o Rawatan CL (ha)	82.4
o Tanaman Mengaya, Tanaman kawasan Terosot dan Tanaman Kawasan Lapang (ha)	-
o Penyelenggaraan tapak semaian (bilangan tapak)	1
ii. Perhutanan Masyarakat	
o Hutan Lipur (bilangan)	8
o Hutan Bandar (bilangan pokok)	-
o Tanaman Ubatan (ha)	-

H. PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Tanaman Kawasan Pantai (ha)
Tanaman Bakau (ha)

PETUNJUK PRESTASI

➤ SUMBER HUTAN

Pada akhir tahun 2015, kawasan berhutan merangkumi 21.81% atau 414,673.06 hektar dari keseluruhan 1,901,600.00 hektar muka bumi Negeri Johor. Daripada jumlah keluasan tanah Negeri Johor, seluas 333,729.87 hektar atau 17.5% telah dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984. Manakala itu, seluas 80,907.05 hektar kawasan hutan tanah Kerajaan yang telah diluluskan sebagai Cadangan Hutan Simpanan kekal (CHSK) oleh pihak Kerajaan Negeri dalam proses untuk diwartakan. HSK dan CHSK ini adalah diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk tujuan memaksimumkan kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

➤ PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Sumber hutan asli di Negeri Johor terdiri daripada tiga jenis hutan utama iaitu Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut. Pengurusan hutan yang sistemetik telah bermula sejak tahun 1920 lagi apabila seorang pegawai hutan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dipinjamkan kepada Negeri Johor sebagai Pemelihara Hutan (Forest Conservator) yang pertama.

Pengurusan hutan telah dimantapkan dengan perlaksanaan Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I) yang merupakan satu piawaian untuk pensijilan pengurusan hutan yang berasaskan Kriteria dan Petunjuk ITTO[MC&I (2001)] dan kemudiannya Prinsip dan Kriteria Forest Stewardship Council [MC&I (2002)] akan terus menjadi asas kepada pengurusan hutan secara berkekalan. Negeri Johor telah Berjaya mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan ke atas pengauditan MC&I (2Hutan Asli) selepas audit susulan yang dijalankan pada Jun 2015 bagi kawasan yang melibatkan HSK yang seluas 333,729.87 hektar.

PETUNJUK PRESTASI

➤ PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Usaha-usaha terus dipertingkatkan dalam memastikan sumber hutan negeri terpelihara dan memainkan fungsinya dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan hutan secara berkekalan. Sehubungan dengan itu, peruntukan daripada belanjawan Persekutuan dan Negeri telah dilulus dan dibelanjakan bagi membiayai pelaksanaan program-program pembangunan hutan. Peruntukan ini adalah terdiri daripada peruntukan Pembangunan Negeri (P57), Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan dari sumber-sumber lain.

Dalam tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya membelanjakan peruntukan tahunan semasa yang mencapai 89% bagi perbelanjaan Mengurus dan sekitar 96% bagi perbelanjaan pembangunan. JPNN telah melaksanakan beberapa program pembangunan yang mengandungi 9 projek sepertimana yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011 - 2016) seperti berikut:

- a. Pengurusan Sumber Hutan
- b. Pembangunan Sumber Hutan
- c. Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan
- d. Infrastruktur dan Utiliti
- e. Pemeliharaan Sumber Hutan
- f. IT dan K-Perhutanan
- g. Publisiti, Latihan Dan Pengembangan
- h. Kualiti Biji Benih dan Bahan Tanaman
- i. Operasi dan Penguatkuasaan

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN HUTAN, 2015 (RM)

Bil.	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
1.	Mengurus	14,220,000.00	13,651,016.62	96
2.	Pembangunan	6,257,000.00	4,672,550.38	75
3.	KWPH	941,000.00	376,210.32	40
	Jumlah	21,418,000.00	18,699,777.32	87

PETUNJUK PRESTASI

➤ PEMULIHARAAN HUTAN & PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan hutan dan kepentingannya kepada perlindungan alam sekitar diteruskan dan menjadi keutamaan JPNN sepanjang tahun 2015. Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan sepanjang tahun demi memantapkan fungsi dan peranan JPNN terhadap kepentingan ini.

Pada tahun 2015, jabatan telah berjaya mencapai sasaran dalam melaksanakan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara dengan perbelanjaan 99.6%. Program ini adalah projek nasional yang diadakan secara berterusan dan juga dipantau di peringkat Kementerian NRE selepas kejadian Tsunami pada 26 Disember 2004.

Seluas 17 hektar kawasan persisir pantai dan hutan paya laut telah ditanam di bawah program ini melalui penglibatan PDRM Daerah Muar, PLKN, KUiTH, Lembaga Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pejabat Pelajaran Daerah Pontian dan Mersing, pelajar-pelajar sekolah, komuniti setempat, NGO's di bawah Kempen Kesedaran Alam Sekitar yang dianjurkan oleh JPNN yang telah berjaya menanam sebanyak 9,450 pokok. Disamping itu, seluas 22 hektar kawasan yang telah dijalankan rawatan tanaman bagi kawasan-kawasan yang telah ditanam pada tahun-tahun sebelumnya.

Disamping itu, pelbagai program pengembangan maklumat dan promosi hutan-hutan lipur telah berjaya diadakan seperti Program Pejabat Hutan Daerah bersama NGO, Kursus bersama orang awam, aktiviti Let's Clean, Go Green serta menyertai pameran-pameran jemputan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

PETUNJUK PRESTASI

➤ PENGUSAHASILAN HUTAN

Pada tahun 2015 seluas 1,191.76 hektar kawasan HSK telah diusahasilkan di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Keluasan ini merupakan 40.53% daripada Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 2,940 hektar. Selain daripada itu, pengusahasilan juga dijalankan di kawasan hutan Tanah Kerajaan seluas 361.03 hektar dan hutan Tanah Bermilik seluas 1,753.93 hektar.

KAWASAN DILESENKAN UNTUK PENGUSAHASILAN, 2015 (hektar)

KATEGORI HUTAN	KELUASAN
Hutan Simpanan Kekal	
o CTT*	250.81
o Bukan CTT+	3,241.64
Hutan Tanah Kerajaan	1,050.56
Hutan Tanah Bermilik	984.923
JUMLAH	5,527.928

- Kawasan HSK yang diuruskan di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan diusahasilkan di bawah amalan Sistem Pengurusan Memilih(SMS).
- Kawasan HSK yang diusahasilkan secara tebang habis untuk tujuan pembangunan dan perladangan hutan.

➤ PENGELUARAN HUTAN

Dalam tahun 2015, kesemua pengeluaran hasil kayu utama dari industri perhutanan mencatat penurunan/kenaikan. Pengeluaran venir mencatat penurunan paling tinggi iaitu 69%, diikuti kayu kumai, kayu gergaji 44%, manakala papan lapis dan kayu kumai pada tahun 2015 tiada pengeluaran.

PENGELUARAN HASIL KAYU UTAMA 2015 (m3)

PENGELUARAN	2014	2015	PERUBAHAN 2014/15 (%)
Kayu Gergaji	239,448	257,741	
Papan Lapis	7,010	4,695	
Venir	8,245	7,805	
Kayu Kumai	-	-	

PETUNJUK PRESTASI

➤ PENGELUARAN HUTAN

Pada tahun 2015, sebanyak 290 buah industri berasas kayu berdaftar/berlesen dengan JPNJ. Kilang Perabot/kilang kerja kayu/pertukangan tangan mencatatkan bilangan kilang terbesar diikuti oleh kilang papan.

BILANGAN INDUSTRI BERASAS KAYU UTAMA 2015 (BERDAFTAR)

JENIS INDUSTRI	BILANGAN 2015
Kilang Papan	57
Kilang Papan Lapis/Venir	4
Kilang Kayu Kumai	-
Perabot/Kilang Kerja	66
Kayu/Pertukangan Tangan	

➤ KUTIPAN HASIL NEGERI

Kutipan hasil hutan diperolehi terutamanya daripada bayaran royalti, premium, sesi pembangunan hutan, denda, pampasan/gantirugi dan lain-lain bayaran (lesen/permit). Pada tahun 2015, kutipan ini telah menyumbang sebanyak RM 13,418,098.50 kepada hasil Kerajaan Negeri.

➤ PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA JPNJ

Dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini pegawai dan kakitangan, JPNJ telah memberikan tumpuan kepada sumber-sumber yang penting bagi menyediakan dan mengendalikan latihan, kursus serta program pembelajaran bagi setiap lapisan jawatan. Sebanyak 25 kursus yang diprogramkan dan 3 kursus ad-hock telah dilaksanakan sepanjang tahun. Sementara itu, seramai 3 orang kakitangan telah menghadiri Kursus Sijil Pengawas Hutan di Sekolah Perhutanan Kepong dan berjaya memperolehi sijil masing-masing.

PETUNJUK PRESTASI

PERLAKSANAAN KURSUS DAN LATIHAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR TAHUN 2015

BIL	LATIHAN	GRED / KUMPULAN SASARAN	JUMLAH PESERTA	JANGKA MASA	TARIKH	LOKASI
01	Kursus Keselamatan Perlindungan Dokumen dan Fizikal	N11 - N27, W17 - W27 dan G27	35	2	25-26 Januari 2015	Nusajaya
02	Kursus Modul HRMIS	Pelbagai Gred	40	2	4-5 Februari 2015	Nusajaya
03	Kursus Pemantapan Aktiviti Kutipan Hasil Hutan di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH)	G11 hingga G27 G14 hingga G32	30 50	2 2	10-11 Mac 2015 19-20 Mei 2015	Mersing Bilik Mesyurat Utama,
04	Bengkel Intergriti bersama SPRM					SPRM Johor, Tampoi
05	Kursus Seaman/Kursus Jurumudi Terhad	G11 hingga G41	15	5	24-27 Oktober 2015	Pusat Pelaut Pasir Gudang
06	Taklimat Pemantapan Pelaksanaan MC & I (Hutan Asli)	Pelbagai Gred dan Pelesen	70	1	20-22 April 2015	Pusat Latihan JAKOA, Kluang
07	Taklimat pemantapan tugas dan tanggung- jawab Kepala Hutan	Kepala Hutan &Penyelia Operasi Pembalakan	70	2 jam	20-22 April 2015	Pusat Latihan JAKOA, Kluang
08	Kursus Pemantapan Pelaksanaan Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013)	G11 hingga G32 dan Kontraktor Pembalakan	70	4 jam	20-22 April 2015	Pusat Latihan JAKOA, Kluang
09	Kursus Pemantapan Dendrologi dan Pokok Herba	H11, G11 hingga G17	50	2	5-6 Mei 2015	Hutan Lipur Gunung Pulai 2, Kulai
10	Kursus Pemantapan Pengecaman Isi Kayu dan Pengecaman Kayu Balak	H11, G11 hingga G17	50	2	5-6 Mei 2015	Bilik Latihan AKLI, Kota Tinggi & Kompt 17B HS Panti
11	Kursus Penggunaan dan Pengendalian Senjata Api	G11 hingga G44	35	2	10-11 Jun 2015	Lapang Sasar Ladang REM Kota Tinggi
12	Kursus Pengurusan Kebakaran Hutan	H11, G11 hingga G32	40	2	1-2 Jun 2015	Nusajaya
13	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan dan Rakaman Percakapan	G27 hingga G41	50	2	15-17 Jun 2015	Bilik Seminar JKR Kluang
14	Kursus Risikan, Serbuan dan Tangkapan	G11 hingga G41	40	2	10-11 Jun 2015	Nusajaya
15	Kursus Pengurusan Jenazah	Pelbagai Gred	50	1	8 Julai 2015	Masjid Kota Iskandar
16	Ceramah Motivasi dan Intergriti	Pelbagai Gred	50	1	8 Julai 2015	Masjid Kota Iskanda
17	Kursus Pemantapan Penguatkuasaan Industri Berasaskan Kayu	G11 hingga G32	35	2	23-24 Nov 2015	Bilik Seminar 1, UTC Johor Bahru
18	Kursus Pembangunan dan Pengurusan Ladang Hutan	G17 hingga G41 dan Kontraktor Ladang	50	2	19-20 Ogos 2015	Bilik Seminar Politeknik Mersing

PETUNJUK PRESTASI

PERLAKSANAAN KURSUS DAN LATIHAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR TAHUN 2015

BIL	LATIHAN	GRED / KUMPULAN SASARAN	JUMLAH PESERTA	JANGKA MASA	TARIKH	LOKASI
19	Kursus Serangga Perosak dan Penyakit anak Benih di Tapak Semaian	G11- G41, Pengendali Tapak Semaian & Pekebun Swasta	40	2	26-27 Ogos 2015	Bilik Seminar JKR Kluang
20	Kursus Pemantapan GIS dan GPS	Pelukis Pelan dan Pengawas Hutan	35	2	2-4 November 2015	Bilik Latihan JKR & Pej. Renjer Gelang Patah
21	Kursus Pengendalian Pengunjung Hutan Lipur dan Bahasa Inggeris Penguasa Hutan Lipur	Penguasa Hutan Lipur	35	3	6-7 Oktober 2015	Bilik Latihan JKR Gelang Patah
22	Kursus Interpretasi Sumber Eko Pelancongan (Paya Laut)	Masyarakat setempat	20	1	28 Oktober 2015	Balai Raya Kg Sg Melayu, Gelang Patah
23	Kursus Pengendalian Kenderaan Jabatan dan Pemanduan Berhemah	H11 dan pemandu sementara	35	2	2-4 November 2015	Bilik Seminar Politeknik Mersing dan HS Lenggong
24	Kursus Pemantauan Petak Fenologi dan Perolehan Biji Benih	H11, G11 hingga G32	35	3	19-21 Oktober 2015	Kota Tinggi
25	Kursus Mensurasi Hutan dan Ukuran Tanah	H11, G11 hingga G17	40	4	18-21 Oktober 2015	Bilik Seminar Politeknik Mersing

KURSUS TAMBAHAN

BIL	LATIHAN	GRED / KUMPULAN SASARAN	JUMLAH PESERTA	JANGKA MASA	TARIKH	LOKASI
01	Taklimat Pemantapan dan Pindaan Dokumen MS ISO 9001:2008	Pelbagai Gred	90	1	12 Mac 2015	Bilik Seminar, PPAD Kluang
02	Kursus "Hand On" Sistem Hasil Siri 1/2015 Kursus Keselamatan Dokumen	OMPD	17	2	24-25 Februari 2015	Ibu Pejabat Nusajaya
03		Pelbagai Gred	30	2	4-5 Oktober 2015	Pusat Latihan JKR, Gelang Patah

IMBASAN SEPANJANG TAHUN 2015



JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ **KURSUS PENGENDALIAN KENDERAAN PANCUAN EMPAT RODA (4X4) DAN PEMANDUAN BERHEMAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR**

Oleh: Ph Azimahwati Binti Mohd Alwee, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 4 Nov 2015 - Program Kursus Pengendalian Kenderaan Pancuan Empat Roda (4x4) Dan Pemanduan Berhemah Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama 3 hari bermula 2 November 2015 hingga 4 November 2015 bertempat di Politeknik Mersing bagi Modul Pemanduan Berhemah dan di Hutan Simpan Lenggor, Mersing bagi Modul Pengendalian Kenderaan Pancuan Empat Roda serta sesi amali. Kursus ini telah dihadiri seramai 40 orang. Peserta kursus terdiri daripada kakitangan jabatan iaitu Pemandu Tetap dan juga Pemandu Sementara. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk mendedahkan peserta dalam pengendalian kenderaan 4x4 dan juga meningkatkan kesedaran dalam pemanduan secara berhemah.




Para Peserta Kursus Pengendalian Kenderaan Pancuan Empat Roda (4x4) Dan Pemanduan Berhemah bergambar kenangan bersama penceramah selepas tamat kursus.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Pegawai JPJ Negeri Johor memberi taklimat mengenai kesalahan-kesalahan semasa memandu.



Pegawai JPJ Negeri Johor sedang mengajar cara-cara pengisian buku log dengan betul.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Peserta kursus sedang mendengar taklimat yang di sampaikan oleh Pegawai JPJ Negeri Johor.



Taklimat ringkas oleh Pegawai Renjer Lenggor, En. Mohd Noor bin Ismail untuk memulakan sesi amali di dalam Hutan Simpan Lenggor.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Fasilitaor sedang mengajar teknik menggunakan winch cable apabila kenderaan lain tiada dan perlu mengikat winch cable pada pokok yang kukuh.



Teknik melepaskan kenderaan yang tersangkut di bawah menggunakan winch cable yang betul.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Peserta kursus sedang menjalani teknik-teknik pemanduan kenderaan bagi melalui batang pokok



Tenaga pengajar sedang memberi penerangan penggunaan gear apabila kenderaan berhenti di atas bukit.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Penyampaian cederamata pada fasilitator.

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ KURSUS INTERPRESTASI SUMBER EKO PELANCONGAN (PAYA LAUT) JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT KG. SG, MELAYU, GELANG PATAH

Oleh: PH Mohd Lizam Bin Awang, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

GELANG PATAH, 28 Oktober 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan satu Kursus Interpretasi Sumber Eko Pelancongan (Paya Laut) bersama masyarakat setempat Kampung Sungai Melayu, Gelang Patah pada 28 Oktober 2015. Pihak Jabatan telah menjalankan kerjasama dengan IRDA bagi menjayakan program ini. Kursus ini telah dihadiri oleh masyarakat setempat Kg. Sg. Melayu yang terdiri daripada nelayan seramai 15 orang. Taklimat kursus ini telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan iaitu Encik Umar bin Abdullah manakala penceramah bagi program pengecaman pokok paya bakau disampaikan oleh En. Mohd Noor bin Ismail. Tujuan kursus ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mendalami kaedah interpretasi yang baik dan memantapkan pengecaman spesies pokok bakau.



Taklimat ringkas daripada Ketua Kampung Sungai Melayu, Gelang Patah.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Masyarakat setempat sedang membuat pendaftaran.



Taklimat daripada Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan mengenai Hutan Paya Laut.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Taklimat daripada Renjer Hutan Daerah mengenai pokok dan daun di paya laut.



Sebahagian daripada spesis pokok paya laut.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Sebahagian daripada spesis pokok paya laut.



Menyusuri sungai untuk melihat kawasan yang lebih menarik.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Menyusuri sungai untuk melihat kawasan yang lebih menarik.



Keindahan Sungai Melayu Gelang Patah menjadi tarikan pelancong luar.

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ KURSUS PEMANTAUAN PETAK FENOLOGI DAN PEROLEHAN BIJI BENIH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Oleh: Nurazuwah Binti Omar, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 3 Disember 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan satu Kursus Pemantauan Petak Fenologi dan Perolehan Biji Benih pada 1-3 Disember 2015. Objektif kursus ini adalah untuk memberi peluang kepada kakitangan jabatan memantapkan lagi pengetahuan dalam pengisian e-PCK dan e-FORGIS dalam penyimpanan data bancian Petak Contoh Kekal dan Data Fenologi dan juga mempelajari cara-cara memperolehi biji benih dengan teknik memanjat pokok. Kursus ini telah dihadiri oleh kakitangan jabatan berjawatan Pengawas Hutan dan Pembantu Awam seramai 40 orang.



Para peserta kursus bergambar bersama dengan failitator Kursus Pemantauan Petak Fenologi dan Perolehan Biji Benih selepas tamat sesi amali dan kursus.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Fasilitator sedang memberi taklimat tentang
bancian petak fenologi.



Peserta kursus sedang mempelajari teknik-teknik
ikatan dalam modul perolehan biji benih.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Fasilitator sedang memberi penerangan tentang kegunaan peralatan memanjat.



Sebahagian peralatan yang digunakan semasa aktiviti memanjat.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Persediaan untuk aktiviti memanjat sedang dijalankan oleh pihak fasilitator sebelum melakukan amali kepada peserta kursus untuk perolehan biji benih.



Persediaan untuk aktiviti memanjat sedang dijalankan oleh pihak fasilitator sebelum melakukan amali kepada peserta kursus untuk perolehan biji benih.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Para peserta mencuba untuk amali perolehan biji benih.



Para peserta mencuba untuk amali perolehan biji benih.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Demonstrasi mengambil biji benih oleh fasilitator.



Demonstrasi mengambil biji benih oleh fasilitator.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Peserta sedang mengukur cara yang betul bagi pokok bonggol ditengah.



Peserta sedang mengukur cara yang betul bagi pokok bonggol ditengah.

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ KURSUS UKURAN TANAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Oleh: PPH Mohd Lizam Bin Awang, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 21 Oktober 2015 - Program Kursus Mensurasi Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama 2 hari bermula 20 Oktober 2015 hingga 21 Oktober 2015 bertempat di Bilik Kuliah, Politeknik Mersing (Teori) dan di sekitar kawasan Politeknik Mersing untuk latihan amali. Kursus ini telah dihadiri seramai 40 orang. Peserta kursus terdiri daripada kakitangan jabatan iaitu Pengawas Hutan dan Pembantu Awam. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk:

- Memberi peluang kepada kakitangan jabatan untuk memantapkan lagi pengetahuan dalam melaksanakan kerja-kerja memplot pelan kawasan kerja.
- Mempelajari dan memahami setiap pengiraan keluasan kawasan kerja dengan betul dan tepat.
- Memantapkan kaedah memplot kawasan dengan pengiraan hektar dengan betul diatas pelan dan di kawasan lapangan.



IMBASAN SEPANJANG 2015



Penceramah sedang memberi penerangan di lapangan.



Peserta perlu menarik rantai 20m selari dengan bacaan koordinat untuk mendapat ketetapan bacaan.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Peserta sedang menggunakan kompas untuk menentukan koordinat dengan bacaan betul dan tepat.



Selepas selesai mengambil koordinat dan keluasaan, peserta perlu membuat pelan kawasan dengan tepat.

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ KURSUS MENSURASI HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Oleh: PH Azimahwati Binti Mohd Alwee, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 19 Oktober 2015 - Program Kursus Mensurasi Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama 2 hari bermula 18 Oktober 2015 hingga 19 Oktober 2015 bertempat di Bilik Kuliah, Politeknik Mersing (Teori) dan di Taman Rekreasi Bukit Cantik Mersing(Latihan Amali). Kursus ini telah dihadiri seramai 40 orang. Peserta kursus terdiri daripada kakitangan jabatan iaitu Pengawas Hutan dan Pembantu Awam. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk:

- Memberi peluang kepada kakitangan jabatan untuk memantapkan lagi pengetahuan dalam melaksanakan kerja-kerja mensurasi.
- Mempelajari dan memahami setiap peralatan yang dikendalikan dengan betul dan tepat.
- Memantapkan kaedah pengiraan dalam isi kayu balak dan taksiran cukai balak mengikut pengiraan yang betul.



Penceramah sedang memberi pengenalan Mensurasi Hutan.



Aktiviti dalam kumpulan berkenaan pengiraan kecerunan.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Peserta sedang menggunakan Kompos Prismatik untuk membaca ketinggian pokok.



Peserta sedang mempelajari cara menyukat isipadu kayu sedia.

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ PROGRAM MENDAKI GUNUNG ARONG SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA BERSAMA PENGAKAP PENDIDIKAN KHAS (5TH MALAYSIA INTERNATIONAL AGOONOREE 2015)

Oleh: Zaharrudin bin Othman, -Pejabat Hutan Daerah Johor Timur, Mersing, Johor

MERSING, 23 April 2015 - Seramai kira-kira 450 orang peserta Pengakap Pendidikan Khas Agoonoree 2015 telah berjaya menawan puncak Gunung Arong yang setinggi 240 meter dari aras laut. pendakian gunung tersebut dibuat bersempena Hari Hutan Antarabangsa bersama Pengakap Pendidikan Khas (5th Malaysia International Agoonoree 2015) yang telah diadakan di Sekakap, Mersing. Program mendaki Gunung Arong sempena Hari Hutan Antarabangsa bersama Pengakap Pendidikan Khas ini telah dirasmikan oleh En. Mohd Rahim bin Rani (Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor) Manakala Kementerian Pendidikan diketuai oleh Tun Hj. Md Amin bin Anis, Ketua Pengakap Johor, Tn Hj Yaakob Karim dan ketua Unit Pendidikan Khas JPN Johor, Tn Hj Ab Rahman bin Hamdan. Sebelum mendaki acara menanam sebagai simbolik Hari Hutan Antarabangsa telah diadakan sekitar tapak perkhemahan. Peserta program merasa seronok dan teruja semasa mendaki gunung kerana dapat menikmati pemandangan yang indah dan tempat-tempat yang mencabar. Pendakian dimulakan jam 10.30 pagi telah berakhir pada hjam 4.30 petang dengan semua peserta selamat.



IMBASAN SEPANJANG 2015



Ucapan perasmian daripada Timbalan JPNJ (En. Mohd Rahim bin Rani)



Pemandangan dari Puncak Gunung Arong



IMBASAN SEPANJANG 2015

Timbalan JPNJ bersama dengan peserta pendakian



IMBASAN SEPANJANG 2015

Peserta pendaki sedang merentasi halangan
setelah menuruni Gunung Arong



IMBASAN SEPANJANG 2015



Peserta bergambar kenangan selepas aktiviti pendakian.

IMBASAN SEPANJANG 2015

➤ UPACARA MENANAM POKOK SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA

Timbalan Pengarah Jabatan perhutanan Negeri Johor En Mohd Rahim Bin Rani telah merasmikan Program Pendakian Gunung Arong bersama Pengakap pendidikan Khas sempena Hari Hutan Antarabangsa di Hutan Lipur Tanjung Resang. Seterusnya diadakan majlis menanam pokok telah dilakukan.



Penanaman pokok oleh En Mohd Rahim bin Rani
Timbalan Pengarah Perhutanan Johor.



Penanaman pokok oleh Tn Hj Md Amin bin Anis
Ketua Sektor Pen Swasta dan Pen Khas, JPN Johor.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Penanaman pokok oleh Tn Hj Yaakob bin A Karim
Ketua Pengakap Johor.



Penanaman pokok oleh En. Azizul bin Mohd Sohot
Ketua Unit Sukan, Koko dan Kesenian KPM.

IMBASAN SEPANJANG 2015



Penanaman pokok oleh wakil dari Singapura.



Penanaman pokok oleh wakil dari Kontinjen.



ARTIKEL

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

ARTIKEL

7 SUNNAH RASULULLAH S.A.W. YANG PALING UTAMA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Rasulullah SAW adalah Suri tauladan terbaik di muka bumi ini,, maha guru yang patut kita contoh akhlak dan budi pekertinya, Agar kita sentiasa menjadi Umat yang benar-benar taat dan berkualiti. Beliau adalah Manusia Terpilih yang di pilih untuk menuntut kita menuju jalan yang lurus. Maka apabila kita ingin selamat Dunia Akhirat maka hendaknya ikutilah langkah-langkah beliau. Ikuti sunnah-sunnah yang menjadi ketetapan agar menjadikan hidup kita lebih bererti dan menjadikan kualiti diri yang lebih baik, tentunya untuk mengejar dunia dan akhirat yang kekal abad. Berikut adalah 7 Sunnah Rasulullah yang Paling Utama Dalam Kehidupan Sehari-hari hendaknya kita lakukan agar sentiasa hidup kita berada di jalan yang lurus dan tidak rugi ketika sampai hari perhitungan nanti.



1. SOLAT TAHAJJUD

Semua rasul, Nabi, kekasih Allah (auliya”) dan para ulama salaf tidak meninggalkan solat tahajjud. Ini merupakan ciri orang soleh dan ikhlas. Dalam rangkai sahabat Ali Bin Thalib menyatakan bahawa, salah satu dari ubatnya hati adalah solat malam dan tahajjud. Dan Allah S.W.T berfirman : “Dan pada sebahagian malam hari bertahajjudlah kamu sebagai suatu ibadah tambahan bagimu. Mudah mudahan Tuhan Mu mengangka tkamu ketempat yang terpuji,”(Al-Israa’:79)

2. MEMBACA AL-QURAN DENGAN TERJEMAHANNYA

Al-Quran merupakan petunjuk dan sumber mata kehidupan. Al-Quran merupakan pedoman muslim untuk hidup dan menjalani kehidupan. Maka membaca atau tadarus Al-Quran itu penting sekali, kita tidak hanya disuruh membaca, tetapi juga memahami dan menghayati ertinya serta disusuli dengan mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya.

3. MEMAKMURKAN MASJID/SOLAT SUBUH DI MASJID

Masjid adalah rumah Allah. Masjid adalah sebuah tempat suci bagi orang-orang yang sentiasa mensucikan dirinya secara zahir mahupun batin. Masjid merupakan tempat untuk menambah pengalaman-pengalaman rohani/spiritual, mengukuhkan iman dan tauhid. Masjid juga sebagai tempat tinggal bagi mi’rajnya orang-orang beriman. Dalam ertinya, masjid sebagai tempat menginternalisasi nilai-nilai Ilahiyah ke dalam dirinya sebagai modal utama dalam kehidupan, baik secara individu, dalam lingkungan rumah tangga, masyarakat dan bangsa bahkan dalam lingkungan dunia global.

4. SOLAT DHUHA

Salah satu rahsia Sholat dhuha adalah karena Sholat Dhuha adalah sedekah. Sholat dhuha adalah ibadah sunnah yang sentiasa dilakukan Rasulullah S.A.W. Setiap amal ibadah yang diperintahkan atau pun dianjurkan Allah dan Rasul-Nya pasti ada rahsia yang tersembunyi di dalamnya. Memang kadang kemampuan akal kita tak dapat menjangkau/memahaminya. Tetapi yang pasti semuanya itu adalah demi manfaat kita, manusia. Dari Abu Hurairah radhiyallahu ‘anhu, ia berkata, Rasulullah S.A.W bersabda, “Setiap persendian manusia diwajibkan untuk bersedekah setiap harinya mulai matahari terbit. Memisahkan (menyelesaikan perkara) antara dua orang (yang berselisih) adalah sedekah. Menolong seseorang naik ke atas kenderaannya atau mengangkat barang-barangnya ke atas

ARTIKEL

➤ 7 SUNNAH RASULULLAH S.A.W. YANG PALING UTAMA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

kenderaannya adalah sedekah. Berkata yang baik juga termasuk sedekah. Begitu pula setiap langkah berjalan untuk menunaikan solat adalah sedekah. Serta menyingkirkan suatu rintangan dari jalan adalah sedekah”. [HR. Bukhari dan Muslim]

5. BERSEDEKAH

Allah menyukai orang yang suka bersedekah, dan malaikat Allah selalu mendoakan kepada orang yang bersedekah setiap hari. Seseorang sudah pasti disebut mukmin yang sebenarnya, jika sudah bersedekah. Carilah rezeki dengan sedekah. Demikian juga bertaubatlah dengan bersedekah, jika kita sakit juga hendaknya bersedekah. Banyak sekali ayat-ayat Al-Quran yang menegaskan dan memerintahkan akan hal ini. bersedekah merupakan ciri-ciri dari orang-orang yang beriman, soleh dan bertakwa.

6. MENJAGA WUDHU BERTERUSAN KERANA ALLAH MENYAYANGI HAMBANYA YANG BERWUDHU.

Nabi SAW, sentiasa dalam keadaan wudhu, baik dalam waktu dan keadaan apapun. Jangan tinggalkan wudhu. Kalau batal, berwudhulah kembali. Hal itu merupakan kemahuan kita sendiri dalam rangka untuk mendekatkan diri kepada Allah swt. Kalau kita selalu berwudhu insya Allah akan Mselamat dari ikatan dan kegenitan dunia dan terjaga dari hal-hal yang kotor (kotoran yang bersifat maupun rohani). Selanjutnya kita terlindung dari hal-hal yang tidak bermanfaat dan dari perbuatan-perbuatan dosa dan tercela. Kerana wudhu merupakan proses pembersihan badan kita secara semulajadi disusuli dengan rangka untuk pembersihan fitrah dan hati atau rohani kita. Khalifah Ali bin Abu Thalib berkata, “Orang yang selalu berwudhu sentiasa ia akan merasa selalu solat walau ia sedang tidak solat, dan dijaga oleh malaikat dengan dua doa, ampuni dosa dan sayangi dia ya Allah”.

7. AMALKAN ISTIGHFAR SETIAP SAAT.

Dengan istighfar masalah yang terjadi kerana dosa kita akan dijauhkan oleh Allah. istighfar setiap saat dan dalam segala aktiviti apapun diperintahkan beristiqfar. Ketika kita mahu tidur, mahu makan dalam melakukan suatu pekerjaan, di jalan, di kenderaan dan di manapun hendaknya selalu dalam keadaan beristiqfar. Orang yang kuat istiqfarnya, maka kecenderungan rahmatnya (berguna dan bisa membahagiakan orang lain atau bahkan makhluk lain) sangat kuat sekali. Ia pun juga menjadi penuh dengan keutamaan-utamaan, doanya mustajab dan firasatnya tajam.

**Itulah 7 Sunnah Rasulullah yang paling utama dalam kehidupan seharian
Semoga kita sentiasa dan selalu mengamalkannya agar kita termasuk orang-orang yang
beruntung kelak. Amin...**

Penyumbang Artikel
En. Mohd Fadzli bin Mazalan,
Penolong Akauntan


ARTIKEL

➤ BENTUK SENAMAN LANTAI

1. BERGULING KE DEPAN (ROLL DEPAN)

Cara melakukannya sebagai berikut :


- Sikap permulaan jongkok, kedua tangan menumpu pada matras selebar bahu.
- Kedua kaki diluruskan, siku tangan ditekuk, kepala dilipat sampai dagu menyentuh dada. (c)
- Mengguling ke depan dengan mendaratkan tengkuk terlebih dahulu dan kedua kaki dilipat rapat pada dada. (d)
- Kedua tangan melepaskan tumpuan dari matras, pegang mata kaki dan berusaha bangun. (e)
- Kembali berusaha bangun.



2. BERDIRI DENGAN KEPALA (HEAD STAND)

Cara melakukannya sebagai berikut :

- Berdiri dengan kepala adalah sikap tegak dengan bertumpu pada kepala danditopang oleh kedua tangan. (a)
- Sikap permulaan membungkuk bertumpu pada dahi dan tangan. Dahi dan tangan membentuk segitiga sama sisi. (b)
- Angkat tungkai ke atas satu per satu bersamaan. Untuk menjaga agar badan tidak mengguling ke depan, panggul ke depan, dan punggung membusur. (c)
- Berakhir pada sikap badan tegak, dan tungkai rapat lurus ke atas.



LAMPIRAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Air Terjun Taman Eko Rimba,
Hutan Lipur Gunung Pulai II, Kulai

LAMPIRAN

TANAH BERHUTAN DAN TIDAK BERHUTAN JOHOR, 2015 (ha)

Daerah Hutan	Keluasan Tanah (a)	Hutan Simpan Kekal (HSK)			Rizab Hidupan Liar		Hutan Tanah Kerajaan (g)	Lain-lain Rizab berhutan (h)	Jumlah Besar	
		Diwarta (b)	Cadangan (c)	Jumlah (d) = (b+c)	Dalam HSK (e)	Luar HSK (f)			Berhutan (i) = (d+f+g+h)	Tidak Berhutan (j) = (a - i)
Johor Selatan	657,807	74,533.58	18,789.58	93,323.16	15,050	325	12,724	-	106,372.16	551,435
Johor Timur	326,966	117,951.97	22,751.10	140,703.07	51,125	-	15,434	-	156,137.07	170,829
Johor Utara	455,055	74,114.54	38,399.97	112,514.51	7,779	-	0	4,884	117,398.51	337,656
Johor Tengah	461,772	67,129.78	966.40	68,096.18	37,500	-	1,217	-	69,313.18	392,459
Jumlah	1,901,600.00	333,729.87	80,907.05	414,636.92	111,454.00	325	29,375	4,884	449,220.92	1,452,379.08

KELUASAN HUTAN SIMPAN KEKAL MENGIKUT JENIS-JENIS HUTAN NEGERI JOHOR, 2015 (ha)

Daerah Hutan	Hutan Darat	Hutan Paya Gambut	Hutan Paya Laut	Jumlah Keluasan
Johor Selatan	56,179.80	-	18,353.78	74,533.58
Johor Timur	117,951.97	-	-	117,951.97
Johor Utara	69,825.18	4,289.36	-	74,114.54
Johor Tengah	67,129.78	-	-	67,129.78
Jumlah	311,086.73	4,289.36	18,353.78	333,729.87

SENARAI HUTAN SIMPAN KEKAL MENGIKUT JENIS-JENIS HUTAN NEGERI JOHOR, 2015 (ha)

Bil.	Hutan Simpan	Tarikh Warta	Nombor Warta	Jenis Hutan	Keluasan
1	Banang	17.08.1950	650	Hutan Darat	883.77
2	Bukit Bindu	26.03.1970	377	Hutan Darat	165.92
3	Bukit Hantu	07.08.1940	914	Hutan Darat	764.41
4	Bukit Inas	26.03.1970	377	Hutan Darat	805.34
5	Gemereh	06.11.2008	7515	Hutan Darat	311.03
6	Gunung Arong	11.08.1926	384	Hutan Darat	19,975.45
7	Gunung Arong Tambahan 2	05.12.1996	1588	Hutan Darat	399.00
8	Gunung Arong Tambahan 3	05.12.1996	1587	Hutan Darat	3,258.00
9	Gunung Arong Tambahan	08.05.2003	1077	Hutan Darat	775.25
10	Gunung Ledang	24.06.1931	384	Hutan Darat	8,576.21
11	Gunung Pulai	28.10.1971	786	Hutan Darat	3,672.56
12	Ulu Sedili	08.11.1951	897	Hutan Darat	24,951.00
13	Jemaluang Tambahan	02.02.2006	201	Hutan Darat	375.26
14	Jementah	14.11.1957	228	Hutan Darat	356.84
15	Jementah Tambahan	06.11.2008	7514	Hutan Darat	122.90
16	Sermin	06.11.2008	7516	Hutan Darat	3,256.49
17	Sungai Segamat	06.11.2008	7513	Hutan Darat	1,301.94
18	Kluang	23.01.1929	37	Hutan Darat	16,264.55
19	Labis	10.07.1929	375	Hutan Darat	78,950.01
20	Labis Tambahan	27.04.2006	733	Hutan Darat	3,870.50
21	Lenggor	14.05.1941	524	Hutan Darat	31,050.99
22	Ma'okil	29.08.1924	587	Hutan Darat	28,734.65
24	Mersing	23.09.1924	512	Hutan Darat	24,050.98
25	Mersing	01.04.2010	2358	Hutan Darat	987.50
26	Panti	15.09.1949	727	Hutan Darat	13,152.13
27	Renggam	04.11.1925	531	Hutan Darat	1,425.25
28	Sedenak	28.06.1929	629	Hutan Darat	585.81
29	Soga	03.01.1934	8	Hutan Darat	1,020.34
30	Ulu Sedili Tambahan	17.08.1978	1214	Hutan Darat	32,534.09
31	Semberong Tambahan	03.03.2005	362	Hutan Darat	4,634.56
32	Bukit Payong	26.03.1973	377	Hutan Darat	259.00
33	Seluyut	03.12.2009	12044	Hutan Darat	3,615.00

LAMPIRAN

SENARAI HUTAN SIMPAN KEKAL MENGIKUT JENIS-JENIS HUTAN NEGERI JOHOR, 2015 (ha) - sambungan

Jumlah Keluasan Hutan Darat					311,086.73
34	Air Hitam Utara	28.02.1940	272	Hutan Paya Gambut	3,795.84
35	Air Hitam Utara Tambahan	26.02.2004	2340	Hutan Paya Gambut	493.52
Jumlah Keluasan Hutan Paya Gambut					4,289.36
36	Belungkor	05.02.1941	141	Paya Laut	897.91
37	Kuala Sedili	23.12.1925	642	Paya Laut	433.02
38	Sungai Johor	16.04.1941	427	Paya Laut	3,025.52
39	Sungai Lebam	23.09.1965	800	Paya Laut	2,265.50
40	Sungai Santi	12.04.1951	264	Paya Laut	3,336.09
41	Sungai Pulai	24.10.1923	497	Paya Laut	8,334.41
42	Benut	14.10.1931	659	Paya Laut	61.33
Jumlah Keluasan Hutan Paya Laut					18,353.78
Jumlah Keseluruhan Hutan Simpan Diwartakan					333,729.87

KELUASAN HUTAN YANG DILESENKAN UNTUK PENGUSAHASILAN NEGERI JOHOR, 2015 (ha)

Daerah Hutan	Hutan Simpan Kekal					Tanah Kerajaan (f)	Tanah Bermilik (g)	Jumlah Besar (h) = e+f+g
	DI bawah CTT* (a)	Tujuan Pembangunan (b)	Ladang Hutan (c)	Lain lain (d)	Jumlah (e) = a+b+c+d			
Johor Selatan	-	973.52	499.07	49.15	1,521.74	412.72	55.377	1,989.837
Johor Timur	-	-	1,620.42	98.88	1,719.30	396.27	917.748	3,033.313
Johor Utara	24.08	-	-	-	24.08	80.93	11.798	116.808
Johor Tengah	226.73	0.6	-	-	227.33	160.64	-	389.970
Jumlah	250.81	947.12	2119.485	148.03	3,492.445	1,050.56	984.923	5,527.928

LAMPIRAN

➤ BILANGAN INDUSTRI BERASASKAN KAYU (IBK) DI NEGERI JOHOR TAHUN 2015

Bil.	Hutan Darat	Hutan Darat
1	Kilang Papan	60
2	Kilang Papan Bergerak	10
3	Kilang Venir	1
4	Kilang Papan Lapis	6
5	Loji Tanur Pengering	0
6	Loji Pengawetan	2
7	Kilang Perabot	55
8	Kilang Kayu Kumai	3
9	Kilang Kerja Kayu	69
10	Kilang Lantai Parket	0
11	Kilang Kotak Kayu,Pak dan Pallet	66
12	Loji Komponen-komponen Bangunan Kayu Siap Dulu	0
13	Kilang Papan Blok/Kilang Papan Bilah/Kilang Papan Berlapis	0
14	Kilang Papan Serpih/Kilang Papan Serpai	3
15	Kilang Papan Gentian	0
16	Kilang Papan Tatal Kayu/Kilang Papan Simen Kayu	0
17	Kilang Papan Wafer/Kilang Papan Flake	1
18	Kilang Pulpa dan Kertas	0
19	Loji Cebis Kayu	0
20	Loji Tepung Kayu	0
21	Tanur Arang	13
22	Loji Kayu Briket	0
23	Kilang Mancis	0
24	Loji Penyulingan Kayu	0
25	Loji Hidrolisis Kayu	0
26	Kilang Pulpa Rayon	0
27	Kilang Buluh	0
28	Kilang Rotan	1
JUMLAH		290

LAMPIRAN

➤ PENGELUARAN KAYU BALAK MENGIKUT SPESIS DI NEGERI JOHOR (m³)

KAYU KERAS BERAT (HHW)	
Angsana	-
Balau	801
Balau Membatu	-
Balau Merah	1
Balau Tembaga	-
Bitis	102
Chengal	405
Giam	11
Kekatong	51
KerANJI	78
Leban	-
Merbau	102
Pelawan	-
Penaga	3
Rambutan	-
Resak	329
Tembusu	1
Tempinis	351
Lain-lain KKB / Others HHW	878

KAYU KERAS SEDERHANA (MHW)	
Bekak	-
Bekoi	-
Berangan	-
Chempedak	-
Geronggang Derom	-
Inggir Burung	-
Jati	-
Jelawai	-
Kapur	6,641
Kasai	58
Kayu Arang	-
Keladan	214
Kelat	2,362
Keledang	532
Keledang Temponek	-
Kempas	2,717
Kenanga	-
Keruing	5,520
Keruing Mempelass	-
Kulim	39
Mata Ulat	5
Mempening	1
Mengkulang	411
Meraga	-
Merbatu	-
Merpauh	234
Merpauh Periang	-
Minyak Berok	-
Pauh Kijang	-
Perah	-
Punah	-
Simpoh	1,252
Tualang	2
Tulang Daing	-
Lain-lain KKS / Others MHW	4,533

KAYU KERAS RINGAN (LHW)	
Acacia	-
Ara	-
Batai	8
Bayur	-
Bengang	-
Berembang	-
Bintangor	1,282
Damar Hitam	-
Dedali	-
Dedau	-
Durian	-
Durian Daun	-
Durian Hutan	102
Gaharu / Karas	-
Gapis	-
Geronggang	145
Gerutu	304
Hampas Tebu	-
Hujan-Hujan	18
Jangkang	-
Jelutong	185
Kandis	-
Kedondong	639
Kekabu Hutan	-
Kelempayan	-
Kembang Semangkok	317
Keruing Putih	-
Kubin	-
Kungkur	-

LAMPIRAN

➤ PENGELUARAN KAYU BALAK MENGIKUT SPESIS DI NEGERI JOHOR (m³) - sambungan

KAYU KERAS RINGAN (LHW)	
Ludai	-
Machang	221
Martas	-
Mati Anak	-
Medang	984
Medang Teja	-
Melantai	3,485
Melembu	-
Mahang / Mersepat	-
Mahogany	4
Melunak	882
Membuloh	-
Mempisang	149
Mengkundor	-
Meranti Bakau	-
Meranti Belang	-
Meranti Bumbong	-
Meranti Bunga	-
Meranti Bukit	-
Meranti Daun	-
Meranti Daun Besar	-
Meranti Kepong	-
Meranti Langgong	-
Meranti Laut	-
Meranti Melantai	-
Meranti Mengkai	-
Meranti Merah	-
Meranti Merah Jerit	-
Meranti Merah Muda	6,676

KAYU KERAS RINGAN (LHW)	
Meranti Merah Tua	2,105
Meranti Merah Sarang Punai	-
Meranti Merah Seraya	-
Meranti Kuning	1,046
Meranti Paang	-
Meranti Paya	-
Meranti Pipit	-
Meranti Putih	1,870
Meranti Sarang Punai	-
Meranti Sengkawang	-
Meranti Sengkawang Ayer	-
Meranti Sengkawang Bulu	-
Meranti Sengkawang Merah	-
Meranti Seraya	-
Meranti Temak	-
Meranti Tembaga	-
Merawan	599
Mersawa	624
Mertas	-
Nyatoh	1,899
Nemesu	-
Penarahan	111
Penarahan Arang	-
Perah Ikan	-
Perupok	-
Pelong	-
Petai	-
Petaling	-

KAYU KERAS RINGAN (LHW)	
Pulai	24
Putat	-
Punggai	-
Ramin / Melawis	55
Rengas	241
Sepetir	926
Seraya	-
Sesendok	155
Surian	-
Tampoi	-
Terap	47
Terentang	559
Yemene	-
Lain-lain KKR / Others LHW	1,240

KAYU LEMBUT / SOFTWOOD	
Damar Minyak	-
SPESIS IMPORT / IMPORTED SPECIES	
Pine	-

LAMPIRAN

HARGA PURATA TEMPATAN (DI KILANG) KAYU BALAK MENGIKUT SPESIS NEGERI JOHOR, 2015 (RM/m³)

Spesis	Purata Harga Tempatan
Heavy Hardwood	
Cengal	4,000
Balau	2,878
Red balau	2,308
Merbau	2,588
Mixed Heavy Hardwood	918
Medium Hardwood	
Keruing	1,301
Kempas	1,328
Kapur	1,696
Mengkulang	1,104
Tualang	1,301
Light Hardwood	
Dark Red Meranti	1,786
Red Meranti	1,646
Yellow Meranti	1,111
White Meranti	1,036
Mersawa	1,479
Nyato	900
Sepetir	850
Jelutong	1,027
Mixed Hardwood	1,005
Malaysian Rubberwood	
Hvea brasiliensis	148

BILANGAN INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, NEGERI JOHOR, 2015

Daerah Hutan	Kayu Gergaji (Sawmills)		Kilang papan Lapis / Venir		Kilang Kayu Kumai		Kilang Perabot	
	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi
Johor Selatan	12	10	2	2	2	2	16	14
Johor Timur	3	3	0	0	0	0	0	0
Johor Utara	17	14	1	1	1	1	14	14
Johor Tengah	28	21	2	2	0	0	25	18
Jumlah	60	48	5	5	3	3	55	46

PENGELUARAN INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, NEGERI JOHOR, 2015 (M³)

Daerah Hutan	Kilang Papan	Kilang Papan Lapis / Venir		Kilang Kayu Kumai
	Kayu Gergaji	Papan Lapis	Venir	Kayu Kumai
Johor Selatan	61,360.32	1003.22	900.03	2,930.47
Johor Timur	11,259.82	0	0	0
Johor Utara	81,499.48	4,223.61	3,477.47	146.01
Johor Tengah	120,875.86	0	0	0
Jumlah	274,995.48	5,226.83	4,377.50	3,076.48

LAMPIRAN

➤ GUNATENAGA DALAM INDUSTRI PEMBALAKAN DAN INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, NEGERI JOHOR, 2015

Daerah Hutan	Pembalakan			Kilang papan			Kilang Papan Lapis/Venir			Kilang kayu Kumai			Jumlah		
	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah
Johor Selatan	12	12	12	12	12	12	12	12	12	12	12	12	12	12	12
Johor Timur	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3
Johor Utara	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17	17
Johor Tengah	28	28	28	28	28	28	28	28	28	28	28	28	28	28	28
Jumlah	60	60	60	60	60	60	60	60	60	60	60	60	60	60	60

➤ GUNATENAGA DALAM JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR 2014

Jawatan	Pej. Hutan Negeri	Johor Selatan	Johor Timur	Johor Utara	Johor Tengah	Jumlah
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL						
Pemelihara Hutan (G54)	1	-	-	-	-	1
Pemelihara Hutan (G54)	1	-	-	-	-	1
Pemelihara Hutan (G54)	-	-	-	-	-	-
Pemelihara Hutan (G54)	2	-	-	-	-	2
Pemelihara Hutan (G54)	3	1	1	1	1	7
Jumlah Kecil	7	1	1	1	1	11
KUMPULAN SOKONGAN						
Setiasaha Pejabat (N27)	1	-	-	-	-	1
Penolong Pemelihara Hutan (G27)	4	2	2	1	1	10
Penolong Akauntan (W27)	4	-	-	-	-	1
Penolong Pegawai Tadbir (N27)	4	-	-	-	-	1
Renjer Hutan (G28)	4	-	-	-	-	1
Renjer Hutan (G22)	2	-	-	-	-	2
Renjer Hutan (G17)	-	3	4	4	4	15
Pengawas Hutan (G14)	4	12	11	12	10	49
Pengawas Hutan (G11)	16	41	28	31	26	142
Juruteknik (J17)	1	-	-	-	-	1
Pelukis Pelan (J17)	1	1	-	-	1	3
Pembantu Tadbir (Kewangan) (W22)	2	-	-	-	-	2
Pembantu Tadbir (Kewangan) (W17)	5	1	1	1	1	9
Pembantu Tadbir (Ketua/Operasi) (N22)	2	1	1	1	1	6
Pembantu Tadbir (Ketua/Operasi) (N17)	6	1	1	1	1	10
Pembantu Tadbir Rendah (N14)	-	-	-	-	-	-
Pembantu Tadbir Rendah (N11)	-	-	-	-	-	-
Pembantu Tadbir Rendah (N4)	1	-	-	-	-	1
Pembantu Tadbir Rendah (N1)	4	1	1	1	1	8
Pekerja Rendah Awam Khas (R3)	7	20	22	19	21	89
Pemandu Kenderaan Bermotor (R3)	5	3	3	2	5	18
Jumlah Kecil	64	86	74	73	72	369
Jumlah Besar	71	87	75	74	73	380

EDITORIAL

JAWATANKUASA EDITORIAL LAPORAN TAHUNAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

PENASIHAT

Mohd Ridza bin Awang

PENGERUSI

Mohd Rahim bin Rani

AHLI JAWATANKUASA KECIL PENYUNTING

Tn. Haji Norrdin Noor

Mohd Hafiz bin Hamzah

Mohd Fadzli bin Mazalan

Pn. Thilagavathy A/P Raj

Muhammad Umar bin Abdullah

Mohd Fikri bin Mistar

Ihsan Sabri bin Kamarazaman



Nurazuwah binti Omar

Zaiton binti Abdullah @ Mahmad

Wakil-wakil unit dan Pejabat Hutan Daerah

AUTOGRAPH





JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
TINGKAT 2, BANGUNAN DATO'
MOHAMAD IBRAHIM MUNSİYI,
KOTA ISKANDAR,
79660 ISKANDAR PUTERI,
JOHOR DARUL TAKZİM

TELEFON : 07 - 266 7433
NO FAKS : 07 - 266 1288

johor.forestry.gov.my